

Analisis Kandungan Artikel Kesihatan Akhbar Terpilih dalam Tempoh Pilihan Raya Umum Ke-14 Malaysia

Emma Mirza Wati Mohamad^{1*} dan Cheng Veng Kie¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kandungan berita kesihatan serta melakukan perbandingan di antara ketiga-tiga akhbar, iaitu Berita Harian, New Straits Times dan Nanyang Siang Pau pada tempoh kempen Pilihan Raya Umum ke-14. Secara spesifiknya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk pemaparan dan penentuan agenda ke atas berita kesihatan dalam tempoh Pilihan Raya Umum ke-14. Analisis data dilakukan terhadap akhbar bermula 29 April 2018 sehingga 10 Mei 2018. Sebanyak 86 artikel daripada tiga akhbar yang berbeza bahasa telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan Teori Penentuan Agenda. Dapatan kajian mendapati agenda politik memang telah memainkan peranan dalam isu kesihatan yang dipaparkan sepanjang tempoh pilihan raya umum dijalankan dengan wujudnya beberapa berita yang menjadikan ahli politik sebagai sumber berita. Selain itu, akhbar New Straits Times dilihat lebih mementingkan isu kesihatan dengan paparan 33 artikel, iaitu 38.4% sepanjang tempoh kajian. Penggunaan teori penentuan agenda dalam kajian ini telah memberi satu gambaran yang jelas bahawa apa yang pembaca dapat lihat dan baca di dalam akhbar merupakan agenda media.

Kata Kunci: Teori Penentuan Agenda, Isu Kesihatan, Media, Politik.

1. PENGENALAN

Kesihatan ditakrifkan sebagai keadaan badan yang sempurna dengan fizikal, mental, sosial dan tidak hanya ketika tidak sakit (World Health Organization [WHO, 2012]). Selain itu, Khalid (2010) mendefinisikan kesihatan sebagai satu bentuk homeostasis. Keadaan ini merupakan satuimbangan di mana tenaga dan jisim masuk dan keluar (*input and output*) untuk berada dalam keseimbangan (membolehkan pertumbuhan), manakala Khadijah Shamsuddin (2011) pula mentafsirkan kesihatan membawa erti kemampuan untuk meneruskan hidup dengan prospek positif.

Media tradisional seperti surat khabar juga memegang peranan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang isu kesihatan dan merupakan satu jenis komunikasi kesihatan melalui paparan media dengan interaksi sosial. Menurut sarjana Parrot (2004), media merupakan salah satu cabang dalam komunikasi kesihatan di mana media berperanan sebagai 'entiti' yang mempengaruhi dan membentuk kepercayaan kesihatan, sikap serta tingkah laku kesihatan. Tambahan pula, dapat dilihat media banyak mempromosikan isu kesihatan dalam program-program di televisyen seperti dokumentari mahupun drama.

*Koresponden: emmamohamad@ukm.edu.my

Selain itu, sumber yang digunakan dapat membuktikan bahawa setiap berita atau maklumat yang dipaparkan sama ada melalui media cetak mahupun elektronik adalah berautoriti dan berkredibiliti. Menurut Conrad (1999), wartawan bergantung kepada sumber yang terdapat di dalam berita mereka. Sumber boleh dianggap sebagai elemen penting dalam berita untuk memberi kepercayaan kepada khalayak mengenai sesuatu isu atau peristiwa yang dibingkaikan oleh wartawan. Maklumat atau informasi mengenai sesuatu isu dan peristiwa mempunyai sumber tersendiri termasuklah berita mahkamah, jenayah mahupun berita yang menumpukan kepada bingkai politik, maka berita kesihatan juga menjadi salah satu informasi yang perlu dititikberatkan.

Seperti saranan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, semakin maju kehidupan, maka semakin masyarakat terdedah kepada gaya hidup yang tidak sihat. Dengan ini, maklumat mengenai kesihatan dalam media tradisional di Malaysia perlu ditingkatkan supaya dapat memberikan kefahaman informasi kesihatan dalam kalangan masyarakat.

Para ahli politik sentiasa menarik perhatian wartawan agar liputan politiknya memperoleh liputan dari media (Hamad, 2004). Wartawan memerlukan berita dari ahli politik untuk menarik pembaca membeli akhbar, manakala ahli politik menggunakan media dalam mempromosikan propaganda dan taktik bertanding supaya dapat memenangi hati publik. Pernyataan ini jelas sekali menunjukkan bahawa wartawan akan cuba menumpukan perhatian kepada maklumat yang dapat membantu meningkatkan nama dan keuntungan syarikat berbanding dengan nilai berita yang sepatutnya diberi keutamaan oleh para pembaca.

Menurut Ismail dan Adnan (2011), ruangan dan atur letak berita, gambar, tajuk berita serta isu berita adalah sangat penting bagi menarik perhatian pembaca. Oleh itu, kandungan dalam sebuah berita juga adalah amat penting untuk menarik minat pembaca terhadap sesebuah berita tersebut dan bukanlah hanya bergantung kepada penyesuaian minat sahaja. Memberi ilmu yang dapat meningkatkan pengetahuan pembaca melalui akhbar merupakan suatu nilai murni media.

Namun begitu, media mempunyai agenda tersendiri dan kadangkala agenda ia dipengaruhi oleh politik. Jika sesuatu isu kesihatan dipolitikkan, maka akan terpesonglah segala usaha murni media sebagai penyebar ilmu dan kesedaran tentang isu kesihatan serta tanggungjawab sosial mereka. Persoalannya, sekiranya berita kesihatan mendapat perhatian, adakah wujud agenda lain dibaliknya? Atau ini hanya helah calon-calon pilihan raya semata-mata untuk memancing undi? Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti bentuk pemaparan dan menentukan agenda yang digunakan ke atas berita kesihatan dalam tempoh Pilihan Raya Umum ke-14.

2. SOROTAN KAJIAN

2.1 Kewartawanan

Bidang kewartawanan merupakan satu bidang yang memikul semua tanggungjawab dalam proses penghasilan berita. Kewartawanan boleh didefinisikan sebagai proses atau usaha dalam mengumpulkan bahan, menulis, menyunting dan menerbitkan bahan-bahan dan surat khabar agar informasi dapat disampaikan kepada masyarakat. Penghasilan sesuatu berita bukan semudah yang kita sangka kerana sebelum dipaparkan, ia perlu melalui pelbagai tapisan daripada pihak akhbar bagi memenuhi agenda-agenda yang telah diwujudkan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan Othman, Nayan dan Tiung (2013) dalam Jurnal Komunikasi pada tahun 2013, pemilihan berita adalah berdasarkan beberapa kriteria seperti perlu melihat apa yang terbaik pada hari itu. Berita yang terbaik bermaksud peristiwa penting

seperti isu hangat atau kata-kata pemimpin negara yang perlu disalurkan kepada rakyat. Hal ini demikian kerana berita-berita yang dianggap penting akan diberi keutamaan untuk dipaparkan di dalam akhbar. Selain itu, hirarki dalam organisasi berita juga telah mempengaruhi pemilihan berita dalam konteks-konteks tertentu. Wartawan yang lebih berpangkat mempunyai kuasa yang lebih besar untuk menentukan berita yang akan dipapar, manakala editor pula mempunyai kuasa untuk menentukan berita yang wajib dilaporkan. Tambahan pula, pemilihan akhbar mungkin akan mempengaruhi proses pemilihan akhbar. Sebagai contoh, pihak akhbar akan lebih banyak melaporkan berita yang pro-pemilikinya. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja untuk memancing hati pembaca, bahkan juga untuk menjana sebahagian pendapatan pihak akhbar.

Walau bagaimanapun, kajian lepas oleh Hidayat (2015) merumuskan pemberitaan kesihatan sebagai salah satu berita yang disajikan oleh pelbagai media cetak di sejumlah halaman surat khabar kerana dianggap memiliki nilai berita yang dirasakan bermanfaat bagi masyarakat, lembaga pemerintahan dan lembaga swasta. Tambahan pula, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Lubis (2017) dengan menemu ramah 17 ribu responden di 11 bandar raya telah menunjukkan bahawa seramai 83% (4.5 juta) orang masih membaca surat khabar pada zaman kini. Ini menunjukkan media cetak masih menjadi pilihan pembaca sebagai saluran utama dalam menyampaikan maklumat kepada orang awam.

Seperti yang pernah diungkapkan oleh Bekas Menteri Penerangan yang juga bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu Tan Sri Zainuddin Maidin, media cetak masih boleh 'hidup' kerana ia merupakan sumber bacaan utama masyarakat walaupun menghadapi persaingan ledakan teknologi dan media dalam talian (Faizie, 2018, para. 1). Kedudukan surat khabar dalam kalangan masyarakat tidak pernah berubah kerana akhbar adalah sumber utama mereka untuk memperoleh informasi terkini di seluruh dunia.

2.2 Teori Penentuan Agenda

Teori Penentuan Agenda dipilih sebagai teori utama dalam kajian ini kerana teori ini memperkatakan tentang peranan besar media massa dalam menentukan agenda yang ingin disampaikan kepada orang awam. Teori penentuan agenda menggambarkan keupayaan media massa untuk mempengaruhi isu yang ingin disampaikan kepada orang awam (McCombs M & Donald Shaw, 1972). Ia pada dasarnya bermaksud jika lebih kerap dan jelas sesuatu berita itu dipersembahkan oleh media, semakin tinggi anggapan pembaca bahawa isu tersebut adalah penting. Hal ini dapat dijelaskan melalui mekanisme kebolehcapaian kognitif yang pada asasnya mengatakan bahawa anda ingat apa yang anda sering lihat. Agenda dapat ditakrifkan sebagai isu atau berita yang dimuatkan dalam media massa (Idid, 1993).

Teori Penentuan Agenda telah diperkenalkan pertama kalinya dalam buku *Public Opinion* oleh Walter Lippmann pada tahun 1922 yang menyatakan bahawa media bertanggungjawab terhadap gambaran dalam minda manusia (Yenny, 2014). Faktor utama Teori Penentuan Agenda digunakan dalam kajian adalah untuk melihat perbezaan ketiga-tiga media cetak dalam mempromosikan berita kesihatan sempena Pilihan Raya Umum ke-14 dilangsungkan. Pengkaji ingin menganalisis cara tersendiri setiap surat khabar dalam melaporkan berita kesihatan. Maka, adalah wajar teori penentuan agenda digunakan untuk menganalisis kandungan berita kesihatan dalam ketiga-tiga surat khabar sempena Pilihan Raya Umum supaya pengkaji dapat melihat sejauh manakah berita kesihatan mendapat perhatian dalam tempoh tersebut.

2.3 Agenda Kesihatan dalam Media

Kewujudan media dan komunikasi merupakan satu medium yang berkesan dalam penyebaran pelbagai maklumat tentang apa yang berlaku di dunia sebagai contoh penyebaran informasi tentang isu kesihatan kepada orang awam. Terdapat beberapa sarjana yang mengkaji kaitan

media dan isu kesehatan seperti Wakefield, Loken & Hornik (2010); Ju *et al.*, (2010); Jamri, Ismail, Ahmad & Singh (2017) dan Maarof & Osman (2013).

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Wakefield, Loken & Hornik (2010), kempen media dan komunikasi telah digunakan sejak sedekad yang lalu dalam usaha mempengaruhi tingkah laku kesihatan masyarakat, malahan media telah digunakan oleh segenap lapisan kempen yang dijalankan di negara ini termasuklah dalam kempen komunikasi kesihatan. Namun begitu, wujud permasalahan di mana kurangnya kajian berkisar konteks dan penggunaan media dan komunikasi sebagai satu intervensi pencegahan mengenai kempen kesedaran kesihatan awam di Malaysia. Justeru itu, lebih banyak kajian diperlukan untuk mengisi kekosongan tersebut.

Selain itu, kempen media perlu dianjurkan untuk menyebarkan maklumat berkaitan kesihatan awam dan ancaman-ancaman dalam isu ini, sekali gus memujuk anggota masyarakat untuk menerima perubahan tingkah laku yang dicadangkan (European Monitoring Centre for Drugs and Drugs Addiction, 2013). Sebagai contoh, satu kajian yang telah dijalankan oleh Ju *et al.* (2010) mendapati bahawa sejumlah 31.3 peratus responden telah menggunakan media akhbar dan majalah dalam mendapatkan maklumat kesihatan di samping televisyen dan radio sebanyak 17.6 peratus responden. Keadaan ini menunjukkan surat khabar masih merupakan salah satu media yang terpenting untuk mendapatkan informasi berkaitan isu kesihatan dalam kalangan masyarakat.

Kajian yang dilakukan oleh Jamri *et al.* (2017) mendapati bahawa penggunaan media dan komunikasi dalam penyampaian maklumat berkaitan kesihatan awam amat memberi kesan. Televisyen, internet dan akhbar dirujuk sebagai tiga media yang menjadi sumber informasi kesihatan yang efektif dan juga boleh mempengaruhi persepsi masyarakat berkaitan kebaikan dan keburukan sesuatu isu kesihatan tersebut.

Secara kesimpulannya, media boleh digunakan sebagai satu intervensi untuk membentuk dan meningkatkan kesedaran tentang isu kesihatan awam dalam kalangan masyarakat di negara ini. Peranan media sebagai saluran informasi kepada masyarakat berkaitan sesuatu isu kesihatan adalah sangat penting agar kesedaran masyarakat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

3. METODOLOGI KAJIAN

Untuk mengenal pasti bentuk pemaparan dan menentukan agenda yang digunakan ke atas berita kesihatan dalam tempoh Pilihan Raya Umum ke-14, kaedah kuantitatif, iaitu analisis isi kandungan digunakan dalam kajian ini. Penggunaan borang kodan yang dapat membantu dalam menganalisis kandungan berita kesihatan dalam surat khabar yang telah dipilih, manakala persampelan secara tidak rawak, iaitu persampelan bertujuan telah digunakan dalam kajian ini. Persampelan bertujuan juga telah digunakan oleh beberapa sarjana di dalam kajian mereka yang lepas termasuklah Babbie (1986); Marshal dan Rossman (1989) & Zainuddin (2016). Oleh itu, hanya berita mengenai kesihatan dari tempoh kempen Pilihan Raya Umum ke-14 bermula 29 April 2018 sehingga 10 Mei 2018 telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini juga melibatkan tiga akhbar, iaitu Berita Harian, New Straits Times dan Nanyang Siang Pau. *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* versi 22 telah digunakan untuk menganalisis data kuantitatif kajian. Analisis deskriptif telah digunakan untuk menganalisis pemaparan artikel kesihatan dan penentuan agenda ke atas artikel kesihatan. Terdapat empat jenis pendekatan yang digunakan untuk sesebuah artikel seperti tanggungjawab individu, stereotaip, pengurangan bahaya dan emosi negatif, manakala analisis inferensi digunakan untuk menjelaskan dan menghuraikan data yang telah dikumpul berdasarkan kategori dalam borang kodan.

Dalam metodologi pula, pengkaji telah menggunakan cara kuantitatif dengan menyediakan buku skema pengkodan dan borang kodan untuk mencatatkan berita yang mengintegrasikan tema dan pendekatan kesihatan untuk mengkaji agenda politik yang telah dimainkan dalam berita tersebut.

4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian bagi tempoh 28 April 2018 sehingga 10 Mei 2018 mendapati hanya 86 artikel dikeluarkan oleh ketiga-tiga akhbar yang berlainan bahasa, iaitu Berita Harian, New Straits Times dan Nanyang Siang Pau. Jadual 1 menunjukkan akhbar New Straits Times paling mementingkan isu kesihatan dengan paparan 33 artikel, iaitu 38.4% daripada keseluruhan artikel. Hal ini memberi maksud walaupun negara berada dalam saat kegentingan kempen pilihan raya, isu kesihatan tidak dipinggirkan.

Jadual 1 Analisis akhbar

Akhbar	Kekerapan	Peratusan
Berita Harian	29	33.7
New Straits Times	33	38.4
Nanyang Siang Pau	24	27.9

Dapatan di Jadual 2 juga menunjukkan majoriti artikel (80 artikel) diselitkan dengan gambar berwarna di setiap paparan. Hal ini demikian kerana umum sedia maklum pembaca lebih tertarik dengan warna dan gambar. Oleh itu, pihak media tidak mahu melepaskan peluang ini, lalu melaksanakannya ke dalam artikel mereka.

Jadual 2 Analisis kewujudan gambar

Gambar	Kekerapan	Peratusan
Ya	80	93
Tidak	6	7

Selain pentingnya percaturan gambar berwarna, pihak media juga percaya kedudukan berita juga akan mempengaruhi pembaca untuk membaca akhbar mereka. Sebagai contoh, dapatan di Jadual 3 menunjukkan 82 daripada 86 artikel tidak meletakkan isu kesihatan di muka hadapan. Hal ini mungkin disebabkan pihak media percaya pembaca lebih gemar membaca isu politik berbanding isu kesihatan di musim pilihan raya berlangsung.

Jadual 3 Perbandingan artikel terletak di muka hadapan antara tiga akhbar

Terletak di muka hadapan	Akhbar			Jumlah
	Berita Harian	New Straits Times	Nanyang Siang Pau	
Tidak	29	33	20	82
Ya	0	0	4	4

Hasil kajian ini juga mendapati empat sumber terlibat dalam pelaporan artikel kesihatan, iaitu ahli politik, pakar, bukan pakar dan NGO. Berdasarkan keempat-empat sumber tersebut, majoriti artikel mendapatkan isu kesihatan daripada pakar, iaitu pensyarah sains kesihatan. Tambahan pula, umum mengetahui pakar merupakan individu yang memiliki pengetahuan ataupun kemampuan luas dalam bidang tertentu. Jadual 4 dan 5 menunjukkan sumber dan representasi berita bagi ketiga-tiga akhbar. Walau bagaimanapun, ada beberapa artikel yang

menggunakan ahli politik sebagai sumber untuk mendapatkan isu kesihatan. Hal ini menunjukkan ahli politik tetap mengambil bahagian dalam pemaparan akhbar walaupun hanya sedikit. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Apuke (2018) yang mengkaji peranan media sosial terhadap komunikasi kempen politik, di mana dapatan kajian tersebut mendapati media sosial digunakan sebagai satu platform untuk penyiaran pendapat ahli politik.

Jadual 4 Perbandingan sumber berita antara tiga akhbar

Sumber Berita	Akhbar			Jumlah
	Berita Harian	New Straits Times	Nanyang Siang Pau	
Ahli Politik	5	3	2	10
Pakar	14	21	15	50
Bukan Pakar	4	7	5	16
NGO	6	2	2	10

Jadual 5 Perbandingan representasi sumber berita antara tiga akhbar

Tema	Akhbar			Jumlah
	Berita Harian	New Straits Times	Nanyang Siang Pau	
BN	2	3	0	5
Pakatan Harapan	0	0	1	1
Kerajaan	3	0	1	4
Doktor	0	4	5	9
Pakar Pemakanan	1	2	1	4
Pakar Kaunseling	1	1	0	2
Pakar Kanak-kanak	0	1	0	1
Pensyarah Sains	4	7	3	14
Kesihatan				
Sarjana Sains	1	0	1	2
Kesihatan				
Kementerian	1	2	0	3
Kesihatan				
Malaysia				
WHO	1	0	1	2
Eksekutif	2	1	0	3
Kesihatan				
Saintis	1	2	3	6
Jururawat	1	0	0	1
Hospital	0	1	1	2
Artis	0	0	1	1
Penulis Biasa	2	2	0	4
Peniaga Biasa	3	5	4	12
NGO Melayu	2	0	0	2
NGO Kesihatan	3	2	1	6
NGO	1	0	1	2
Perkhidmatan Awam				

Analisis lanjut mendapati genre berbentuk berita dan lebih condong positif menjadi pilihan ketiga-tiga akhbar seperti di dalam Jadual 6. Berita adalah penjelasan jenis maklumat baru atau maklumat hal semasa yang disampaikan melalui percetakan, internet, penyiaran atau secara lisan kepada parti ketiga atau orang ramai, manakala condong positif pula hanya melibatkan ulasan kebaikan berkaitan isu kesihatan tersebut. Kebanyakan berita kesihatan condongnya adalah positif, iaitu mencapai kekerapan sebanyak 43 dan peratusannya adalah 50%. Ini menunjukkan hampir separuh berita kesihatan berada dalam usaha menyebarkan kebaikan kesihatan dan memberi idea kepada para pembaca untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Jadual 6 Perbandingan genre dan condong berita antara tiga akhbar

Aspek		Akhbar			Jumlah
		Berita Harian	New Straits Times	Nanyang Siang Pau	
Genre	Berita	14	15	15	44
	Rencana	2	5	3	10
	Editorial	13	10	5	28
	Komentari	0	3	1	4
Condong	Positif	14	17	12	43
	Negatif	3	3	5	11
	Neutral	8	7	6	21
	Seimbang	4	6	1	11

Selain genre dan kecondongan berita, pendekatan sesuatu berita juga amat penting di dalam penulisan isu kesihatan. Jadual 7 menunjukkan pihak akhbar menggunakan empat jenis pendekatan yang berbeza seperti tanggungjawab individu, stereotaip, pengurangan bahaya dan emosi negatif. Tanggungjawab individu merujuk kepada artikel yang berkislar tentang tanggungjawab setiap individu untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menjaga tingkah laku individu, manakala pengurangan bahaya pula menjurus kepada andaian adanya kemudaratan yang boleh diterima dan berusaha untuk meminimumkannya untuk mengelakkan segala bahaya. Selain itu, stereotaip pula merupakan suatu tanggapan atau pemikiran yang ditetapkan terhadap sesuatu kumpulan seperti jantina dan etnik, tetapi sering kali tidak benar di dalam realiti. Emosi negatif pula merupakan artikel yang membuatkan seseorang berasa takut, sedih dan cemas. Dapatan daripada 86 artikel (lihat Jadual 7) menunjukkan hampir separuh berita berkislar tentang pengurangan bahaya. Hal ini menunjukkan ketiga-tiga akhbar lebih cenderung untuk memaparkan berita kesihatan yang dapat memberi kesedaran kepada pembaca untuk menjaga kesihatan mereka. Selain itu, 25 artikel berkislar tanggungjawab individu turut dipaparkan dengan kadar peratusan 29.1%. Berita kesihatan berkaitan stereotaip juga turut dipaparkan sebanyak 18 artikel. Berbanding ketiga-tiga pendekatan tersebut, pendekatan berkaitan emosi negatif agak kurang digunakan, iaitu hanya 7 artikel direkodkan.

Jadual 7 Perbandingan pendekatan berita antara tiga akhbar

Pendekatan	Akhbar			Jumlah
	Berita Harian	New Straits Times	Nanyang Siang Pau	
Tanggungjawab individu	11	8	6	25
Stereotaip	6	6	6	18
Pengurangan bahaya	10	15	11	36
Emosi negatif	2	4	1	7

Tambahan pula, dapatan di Jadual 8 menunjukkan kebanyakan akhbar lebih menjurus kepada penggunaan tema penjagaan kesihatan di dalam berita yang mereka paparkan. Dengan ini, satu

kesimpulan dapat dibuat di mana isu penjagaan kesihatan dapat dikekalkan walaupun di musim Pilihan Raya Umum.

Jadual 8 Perbandingan tema berita antara tiga akhbar

Tema	Akhbar			Jumlah
	Berita Harian	New Straits Times	Nanyang Siang Pau	
Penjagaan Kanak-kanak	1	2	1	4
Keselamatan makanan	1	1	1	3
Kecacatan	1	3	1	5
Dadah dan alkohol	0	1	0	1
Penjagaan kesihatan	9	10	5	24
Persekitaran	2	0	0	2
Kebudayaan	1	0	0	1
Awal zaman kanak-kanak	1	0	0	1
Pendidikan	3	4	2	9
Kebajikan dan perkhidmatan sosial	3	4	3	10
Pendapatan	0	1	0	1
Pekerjaan lain-lain	0	1	5	6
Analisis dan pengetahuan penyakit	2	5	5	12

5. RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN DI MASA DEPAN

Sebagai rumusannya, pemaparan berita kesihatan masih dititikberatkan walaupun dalam masa genting negara menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14. Tambahan pula, keadaan ini menunjukkan agenda kesihatan masih memainkan peranan yang penting walaupun dalam tempoh genting tersebut dan masyarakat seharusnya mengambil berat tentang kesihatan sendiri. Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga mendapati agenda politik memang telah memainkan peranan dalam isu kesihatan yang dipaparkan sepanjang tempoh pilihan raya umum dijalankan dengan wujudnya beberapa berita yang menjadikan ahli politik sebagai sumber berita. Penggunaan teori penentuan agenda dalam kajian ini telah memberi satu gambaran yang jelas bahawa apa yang pembaca dapat lihat dan baca di dalam akhbar merupakan agenda media. Pihak media berkuasa untuk memberitahu pembaca tentang apa yang perlu difikirkan. Teori Penentuan Agenda juga menjelaskan bahawa media yang digunakan dalam menyampaikan informasi kepada masyarakat adalah bertujuan untuk mempengaruhi persepsi masyarakat tentang sesuatu perkara yang dianggap penting. Teori ini sesuai digunakan dalam tempoh pilihan raya umum kerana biasanya berita politik akan mempunyai kepentingan tertentu untuk memberi informasi terbaru kepada masyarakat. Dalam metodologi pula, pengkaji telah menggunakan cara kuantitatif dengan menyediakan buku skema pengekodan dan borang kodan untuk mencatatkan berita yang mengintegrasikan tema dan pendekatan kesihatan untuk mengkaji agenda politik yang telah dimainkan dalam berita tersebut.

Bagi kajian akan datang, dicadangkan isu kesihatan ini dapat melibatkan jenis akhbar yang lain seperti China Press dan akhbar The Star agar perbandingan yang lebih ketara dapat dilihat, malah surat khabar yang bertemakan kesihatan juga boleh dijadikan sebagai bahan untuk melakukan analisis kerana kandungannya yang lebih banyak berkaitan informasi kesihatan.

Selain itu, kajian masa depan juga boleh dilakukan terhadap akhbar dalam talian yang lain untuk membuat tinjauan ke atas artikel kesihatan kerana terdapat lebih ramai perhatian dan mudah mendapat tindak balas serta pandangan daripada publik. Hal ini demikian kerana keadaan dunia sekarang yang lebih mengutamakan kegunaan akhbar dalam talian. Justeru itu, maka adalah wajar jika pengkaji menggunakan akhbar dalam talian sebagai satu cara untuk memperoleh data kajian.

RUJUKAN

- Apuke, O. D. (2018). The Role of Social Media and *Computational Propaganda in Political Campaign Communication*. *Journal of Language and Communication*, 5(2), 225-250.
- Babbie, E. R. (1986). *The Practice of Social Research*. California: Wadsworth Pub. Co.
- Conrad, P. (1999). Uses Of Expertise : Sources, Quotes and Voice in The Reporting of Genetics in the News. *Public Understanding of Sciences*, 8, 285-302.
<https://journals.sagepub.com/doi/10.1088/0963-6625/8/4/302>
- European Monitoring Centre for Drugs and Drugs Addiction. (2013). *Perspectives on Drugs: Mass Media Campaigns For The Prevention Of Drug Use In Young People*. Retrieved from http://www.emcdda.europa.eu/topics/pods/mass-media-campaigns_en
- Faizie, M. (2018, October 23). Media Cetak masih sumber bacaan utama. *Air Times*. Retrieved from <https://www.airtimes.my/2018/10/23/media-cetak-masih-sumber-bacaan-utama-zainuddin-maidin/>
- Hamad, I. (2004). Konstruksi Realitas Politik Dalam Media Massa. *Makara, Sosial Humaniora*, 8(1), 21-32.
- Hidayat, T. W. (2015). Analisis Berita Kesehatan Di Media Massa Terhadap Pelayanan Publik. *Jurnal Simbolika*, 1(2), 137-153.
- Idid, S. A. (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, S., & Adnan, H. M. (2011). Profil Ruangan Sukan Dalam Akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 75-91.
- Jamri, M. H., Ismail, N., Ahmad, J., & Singh, D. (2017). Kempen Kesedaran Kesihatan Awam: Satu Tinjauan Literatur dari Sudut Penggunaan Media dan Komunikasi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 33(3), 1-20.
- Ju, L. C., Shahar, S., Yahya, H. M., Ching, T. S., Nor, N. S. M., Chuo, L. H., ...Mukhsan, N. (2010). Tahap pengetahuan pemakanan dan kesedaran kesihatan di kalangan pesakit Diabetes Mellitus di Klinik Kesihatan, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia. *Sains Malaysiana*, 39(3), 505-511.
- Khadijah Shamsuddin. (2011). *Definisi kesihatan*. Retrieved August 22, 2018, from https://www.academia.edu/23402689/Definisi_Kesihatan
- Khalid, M. N. M. (2010). *Solat Bestari : Karya Bestari*.
- Lubis, M. (2017). *Media Cetak Mampu Mempertahankan Posisinya*. Retrieved August 23, 2018, from <https://www.nielsen.com/id/en/press-releases/2017/media-cetak-mampu-mempertahankan-posisinya/>
- Maarof, D. D., & Osman, M. N. (2013). Perkaitan Tahap Penerimaan Remaja Terhadap Kempen Tak Nak Merokok dengan Kesan Kempen Tak Nak Merokok. *Journal of Human Development and Communication*, 2, 125-139.
- Marshall, C., & Rossman, G.B. (1989). *Designing Qualitative Research*. California: Sage Publications.
- McCombs, M., & Shaw, D. (1972). The Agenda-setting Function Of Mass Media. *Public Opinion Quarterly*, 36(2), 176-187.
- Othman, S. S., Nayan, L. M., & Tiung, L. K. (2013). Pemilihan Berita Dari Perspektif Wartawan Media Cetak Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 51-68.

- Parrot, R. (2004). Emphasizing Communication In Health Communication. *Journal of Communication*, 54(4), 751-787.
- Wakefield, M. A., Loken, B., & Hornik, R. C. (2010). Use of Mass Media Campaign to Change Health Behaviour. *Lancet (London, England)*, 376(9748), 1261-1271.
- World Health Organization (WHO). (2012). Definisi Kesehatan. Retrieved from <https://www.ippbm.gov.my/dokumen/faktabelia/04.Kesehatan.pdf>
- Yenny, P. P. (2014). Terpaan Program Berita Reportase Investigasi di Trans TV Terhadap Persepsi Ibu Rumah Tangga di Kecamatan Tenggara. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 2(3): 109-119.
- Zainudin, M. Z. (2016). *Pembangunan Sosial Melalui Program Pembasmian Kemiskinan: Kajian Perbandingan antara Kes di Melaka, Malaysia dan Kes di Riau, Indonesia* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya, Malaysia.